

Kerana Obsesi

written by Saarani Vengadesen | 11/04/2023

Jarum jam menunjukkan angka 12:00 tengah malam. Bunyi deringan telefon pintar Ayden kedengaran. Dia segera bangun dari lenanya sebelum mengambil telefon pintar miliknya di atas meja kerja.

"Hello!" spanya dengan suara perlahan.

"Hello, maaf mengganggu detektif ! Boleh detektif datang ke makmal patologi sekarang?" soal anak buahnya itu.

Tanpa membalas pertanyaan tersebut, Ayden segera mematikan panggilan lalu bergegas mengambil jaket dan kunci keretanya di belakang pintu.

Setibanya dia di hadapan pintu masuk makmal, dia terpandang susuk Inspektor Razali yang sedang bercakap melalui telefon dengan seseorang. Apabila dia melihat kelibat Ayden, Inspektor Razali segera berpaling dan tersenyum ke arahnya.

"Maaf mengganggu kamu tengah-tengah malam ni Ayden" ucapnya.

"Eh! Tidak mengapalah Inspektor, memang tugas saya," balas Ayden sambil tersenyum.

Keadaan senyap seketika, mereka berdua memerhatikan mangsa yang sedang dibedah siasat oleh rakannya sendiri melalui cermin lut sinar yang besar.

"Inspektor, di mana kejadian ni berlaku? Saya belum dimaklumkan dengan lebih lanjut mengenai kes ini." Ayden memecahkan kesunyian antara mereka berdua.

"Kedua-dua mangsa dijumpai tadi kira-kira pada pukul 11:30 malam di sebuah kilang yang terbiar". Ayden mengangguk dan meneruskan perbualan mereka.

"Selepas ni, saya akan pergi ke tempat kejadian dan melihat sendiri apa yang berlaku".

"Baguslah kalau macam tu, kamu boleh membuat siasatan sedikit mengenai kes ini sebelum menyiasat dengan lebih mendalam pada esok pagi".

"Baiklah kalau begitu, saya gerak dulu. Takut terlewat pula nanti". Inspektor Razali hanya mengangguk.

Keadaan yang sedikit suram menyebabkan bulu roma Ayden menegak. Siapa yang tidak berasa seram sejuk apabila berada di tempat kejadian pembunuhan. Tambahan pula dalam keadaan yang gelap dan di kawasan yang tidak berpenghuni.

"Menyesal pula datang sendiri," bisik Ayden di dalam hati. Dengan bantuan cahaya bulan, dia berjalan dengan berhati-hati menuju ke kawasan yang telah ditandai pita larangan masuk.

"Nampaknya tiada siapa yang berjaga di sini memandangkan hari sudah larut malam. Pasukan forensik kriminalistik pun nampaknya belum menjalankan tugas mereka," bisik hati kecilnya.

Ayden melihat kawasan sekeliling dengan teliti untuk mengetahui kejadian yang berlaku seimbis lalu. Segala teori dan imaginasi mula bermain di mindanya. Hampir 15 minit dia

berada di tempat kejadian, Ayden memutuskan untuk beredar dan kembali ke makmal forensik patologi.

Sebaik sahaja kakinya melangkah keluar, Ayden merasakan dirinya diperhatikan oleh seseorang. Ayden segera berpaling dan memandang sekeliling. Aneh, tiada sesiapa di belakangnya. Dia mengabaikan perasaan tersebut dan meneruskan langkah ke tujuan asalnya. Ketika dalam perjalanan, telefonnya berdering.

"Hello!" sapanya.

"Hai, Ayden! Kau boleh pulang dulu, esok datang semula ke tempat kejadian dalam pukul lapan pagi. Ahli forensik kriminalistik pun akan berada di sana esok," kata seseorang di dalam talian.

"Baiklah. Lisa, bagaimana dengan keputusan autopsi kedua-dua mangsa?" soalnya.

"Esok kau datang ke sini dulu untuk baca sendiri laporan tu. Sedih bila perkara macam ni berlaku di tempat kita " kata Lisa dengan nada sedih.

"Aku tahu Lisa, aku pun rasa begitu setiap kali kena urus kes pembunuhan. Rasa simpati terhadap keluarga mereka dan juga kesal terhadap orang yang sanggup berbuat sedemikian. Tidak mengapalah, esok aku melawat kau di makmal. Kalau boleh siapkan juga laporan autopsi esok sebelum pukul lapan pagi".

"Baiklah detektif. Saya menurut perintah!". Ayden hanya tertawa kecil sambil menamatkan talian.

Keesokan harinya, Ayden singgah ke makmal sebelum menuju ke tempat kejadian. "Eh, Ayden awal sampai !" sapa Lisa. Ayden hanya tersenyum.

"Kau ke sini ni untuk tengok mangsa atau baca laporan autopsi dulu Ayden?" soal Lisa.

"Dua-dua sekalilah, masih awal lagi ni" ujarinya. Lisa mengangguk dan menghulurkan laporan autopsi kedua-dua mangsa kepada Ayden. Ayden membaca dengan teliti. Fokusnya hanya terhadap laporan tersebut.

"Nampaknya kedua-dua mangsa dibunuh dengan cara yang sama," katanya.

"Ya Ayden, hasil bedah siasat semalam, didapati kedua-dua mangsa mempunyai luka tembakan di kepala. Selain bekas jerutan di leher dan kesan tikaman di bahagian perut. Kesimpulan yang kami dapat setakat ni, kedua-dua mangsa mati dibunuh dengan sengaja. Oh ya, aku minta maaf untuk kes kali ni tiada sebarang kesan cap jari ataupun darah mangsa. Jadi kami tidak dapat membuat prosedur analisis DNA yang biasa dilakukan oleh pasukan forensik DNA selepas kami selesai membedah mayat".

"Boleh aku tengok mangsa-mangsa tu?" Soal Ayden serius selepas mendengar penjelasan daripada Lisa. Lisa mengiyakan dengan anggukan lalu menghantar Ayden sehingga ke pintu bilik mayat.

"Kau boleh masuk, aku tinggalkan kau sendiri". Ayden mengangguk dan melangkah masuk.

Kedua-dua mangsa diperhatikan dengan teliti. Kelihatan luka tembakan di kepala mangsa, luka tikaman yang begitu besar dan dalam di bahagian perut serta kesan jerutan di bahagian leher.

Perasaan kasihan menerjah dalam dirinya.

Jarum jam menginjak ke angka 7:40 pagi. Ayden segera meninggalkan makmal dan menuju ke tempat kejadian. Setibanya dia di sana, kelihatan Inspektor Razali dan beberapa rakan sekerjanya berbincang dengan serius. Ayden menyapa mereka seadanya sebelum memasuki tempat kejadian. Beberapa ahli forensik kriminalistik juga sedang melakukan tugas mereka termasuk seorang rakannya, Carl. Dia langsung tidak menyapa Carl kerana dia tahu dia tidak akan dilayan. Carl juga sama sepertinya, sangat serius ketika melakukan tugas. Dia akui Carl sangat professional dalam kerjanya.

Ayden memeriksa keadaan sekeliling. Dia tidak memindahkan mahupun memegang sebarang alat atau bahagian di tempat kejadian memandangkan dia lupa memakai sarung tangan. Dia tidak mahu menyusahkan pasukan forensik kriminalistik untuk melakukan tugas mereka. Lagi pun itu merupakan prosedur ketika berada di tempat kejadian.

Dengan bantuan dan usaha pasukan forensik kriminalistik, mereka berjaya mendapatkan sampel jenis senjata yang mungkin digunakan untuk membunuh mangsa dan sampel tapak kaki serta kesan tayar kenderaan yang digunakan oleh suspek.

Setelah hampir sejam di tempat kejadian, dia segera kembali ke pejabat untuk menganalisis suspek yang mungkin terlibat dengan kes pembunuhan yang mengerikan ini. Tok! Tok! Tok!

"Masuk" laung Ayden dari dalam. Kelihatan figura seorang lelaki yang segak memakai kot putih masuk ke dalam pejabatnya.

"Tengah buat apa Ayden?" soal lelaki tersebut.

"Tengah main lukis-lukis ni" balas Ayden bersahaja.

"Haha lawaklah sangat. Aku buat lawak eh?" soal Ayden dengan wajah serius.

"Kau datang sini ada apa?" soal Ayden memecahkan kesunyian setelah beberapa minit kemudian, mengejutkan Carl yang asyik melihat kesibukan Ayden.

"Eh, hampir aku terlupa Ayden. Aku mahu bagitahu kau yang laporan analisis dari pasukan kriminalistik sudah ada, tapi..." Carl terjeda seketika.

"Tapi apa Carl?" soal Ayden dengan nada yang ingin tahu.

"Tapi kali ni, aku rasa bukti di tempat kejadian sikit sangat. Mungkin dengan laporan kami kali ni tidak dapat membantu kau dalam penyiasatan kes ni sebab bukti yang ada cuma kesan tapak kaki dan kesan tayar. Kalau kesan tapak kaki mana ada DNA supek. Kesan tayar kereta pula, susah untuk kau kesan kereta yang digunakan sebab rata-rata masyarakat sekarang menggunakan jenis tayar kereta yang sama dengan suspek. Lagi satu, serpihan senjata yang diguna tidak mempunyai sedikitpun kesan DNA si pelaku" Mendengar penjelasan Carl yang Panjang itu membuatkan Ayden susah hati.

"Nampaknya kes kali ni bukan mudah" Ayden mengeluh dan memandang ke luar tingkap. Carl mengusap bahu rakannya itu. "Pasukan forensik patologikan ada? Mungkin mereka boleh membantu kau dapatkan DNA suspek daripada badan mangsa," Ayden menggeleng.

“Kenapa?” soal Carl.

“Pasukan patologi pun tidak menjumpai DNA suspek. Tadi pagi, aku sempat baca laporan autopsi kedua-dua mangsa. Rasanya suspek kali ni bijak dalam mengatur strategi,” balas Ayden dengan suara lemah.

“Tidak mengapalah Ayden, aku pasti kau akan dapat juga pelakunya nanti” Carl cuba menenangkan rakan baiknya itu.

Setelah seminggu berlalu, Ayden dikejutkan dengan dua lagi kes pembunuhan baharu. Kes yang sebelum ini pun belum lagi diselesaikan, datang pula satu lagi kes yang baharu. Bahunya ditepuk dari belakang. Lamunannya terhenti.

“Ayden kamu okey?” soal Inspektor Razali. Ayden hanya tersenyum dan mengangguk. Walhal, dirinya kini rasa sungguh terbeban.

“Ayden” Inspektor Razali memecahkan kesunyian. “Ya Inspektor,” sahut Ayden pendek.

“Saya tahu, banyak benda yang kamu perlu fikirkan. Jadi saya mencadangkan supaya kes ni ditangguh dulu ataupun kamu boleh berikan kes ni kepada orang lain” ujar Inspektor Razali. Ayden segera menggeleng.

“Tidak mengapa Inspektor, saya boleh melakukannya selagi masih ada yang menyokong saya”. Dia tersenyum nipis. Inspektor Razali hanya mengangguk. Dia faham akan perangai Ayden yang tidak mahu menyusahkan orang lain.

“Daripada buang masa, baik aku ke tempat kejadian,” getus hati kecilnya. Dia bergegas ke tempat kejadian setelah bayang Inspektor Razali menghilang dari pandangannya.

Setibanya dia di sana, Ayden segera menuju ke arah pasukan forensik kriminalistik yang sedang bertugas. Kebiasannya hanya pasukan forensik kriminalistik yang bekerja di tempat kejadian untuk mendapatkan bukti. Selebihnya, pasukan daripada bidang forensik yang berlainan akan melaksanakan tugas mereka di tempat- tempat tertentu.

“Ayden, sampai pun kau!” sapa Carl. Ayden memalingkan wajahnya menghadap rakannya.

“Kenapa, ada apa-apa yang luar biasa kau jumpa?” Carl mengangguk dengan wajah yang penuh kegembiraan.

“Aku jumpa surat” ujarinya. Surat di dalam plastik yang menempatkan bahan bukti diambil Ayden.

Tertera sekeping kertas yang bertulis, ‘bila besar, main sorok-sorok pun masih menyeronokkan’. Dia berfikir sejenak. Namun, Ayden masih belum dapat menangkap isi tersirat melalui surat itu.

Melihat Ayden yang sedikit kebingungan, Carl bersuara

“Kita mungkin boleh dapat cap jari pelaku di kertas ni. Nanti aku hantar kepada Nazhan ataupun Adam di makmal forensik DNA untuk uji kaji yang lebih lanjut. Aku akan hantar juga kepada Dalila di makmal forensik grafologi. Manalah tahu dengan tulisan tu kita dapat kenal pasti pelaku.” Ayden mengangguk dan bersetuju dengan cadangan Carl.

Laporan daripada semua bidang forensik yang terlibat dengan kes pembunuhan itu diteliti Ayden satu persatu. Yang anehnya, laporan autopsi mangsa-mangsa kali ni sama seperti laporan autopsi kedua-dua mangsa sebelum ini. Laporan daripada pasukan kriminalistik juga mendapati bahawa senjata yang digunakan sama seperti senjata dalam kes sebelum ini. Laporan daripada pasukan grafologi pula diperhatinya. Laporan tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak dapat mengenal pasti tulisan tangan yang digunakan suspek. Menurut laporan forensik DNA, mereka juga tidak dapat mengenal pasti DNA pelaku daripada bahan bukti yang diserahkan tadi. "Rasanya, keempat-empat mangsa kali ni dibunuh oleh orang yang sama walaupun di tempat yang berbeza," monolognya sendirian.

Sudah dua bulan berlalu, Ayden masih tidak dapat menangkap pelaku yang melakukan kerja mengerikan ini. Punca pembunuhan ini pun masih belum dapat dikenal pasti. Setiap minggu, ada sahaja mangsa-mangsa yang dibunuh oleh si pelaku. Dia semakin terbeban kerana terpaksa menanggung semua kes baharu tersebut. Bukan tidak mahu memberikan kes yang lain kepada rakan sekerjanya, tetapi berdasarkan modus operandi kes sebelumnya, semua kes pembunuhan tersebut dilakukan oleh orang yang sama.

Ayden berasa sangat tertekan. Dia mengimbuai peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam pejabatnya. Disebabkan kes pembunuhan yang masih tiada penghujungnya, dia dikecam dengan teruk oleh orang ramai kerana tidak melakukan kerja dengan baik untuk mempertahankan kesejahteraan hidup rakyat. Setiap hari, ada sahaja yang datang membuat demonstrasi di hadapan balai polis. Malah, dia turut dikecam di media-media sosial.

Tok! Tok! Tok! Bunyi ketukan pintu pejabatnya menghentikan lamunannya. "Ayden, boleh saya masuk?" Inspektor Razali memohon keizinan.

"Oh, inspektor! Silalah masuk," Ayden mempersilakan Inspektor Razali masuk.

"Macam ni Ayden, pihak atasan memutuskan untuk memberikan kamu masa selama dua minggu bagi menyelesaikan kes ini. Kalau tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan, kes ini akan diberikan kepada orang lain," ujar Inspektor Razali dengan wajah serba salah.

"Baiklah kalau keputusan sudah ditetapkan, saya akan cuba sehabis baik untuk menyelesaikan kes ini," Ayden berusaha mengawal riak wajahnya agar dia tidak kelihatan sedih.

Selama 24 jam berikutnya Ayden berkurung di dalam pejabatnya, meneliti laporan-laporan yang berselerak di atas meja kerjanya. Telefon di dalam poket diambil. Nama Lisa yang tertera di atas skrin telefonnya ditekan.

"Hello Ayden, ada apa?" kedengaran suara sahutan Lisa.

"Boleh kau hantarkan laporan autopsi mangsa yang dibunuh minggu lalu. Rasanya itu mangsa yang terbaru kan?. Aku belum dapat lagi laporan tu." ujar Ayden.

"Baiklah, aku pun tengah ada kerja ni, nanti aku minta tolong Adam untuk hantarkan laporan tu. Dia pun katanya nak singgah ke tempat kau untuk hantar laporan forensik DNA".

"Okey, terima kasih Lisa". Ayden menamatkan perbualan antara mereka berdua. Sementara menunggu kedatangan Adam, Ayden meneliti sekali lagi laporan-laporan yang ada di tangannya.

"Ayden!" sapa Adam. Ayden mendongakkan kepalanya memandang Adam.

"Hai Adam! Memandangkan kau ada di sini boleh kau tolong bacakan laporan- laporan tu?" pintanya sambil memandang berkas yang dipegang Adam.

"Menurut laporan autopsi ni, aku rasa tiada yang luar biasa. Semuanya sama seperti sebelum- sebelum ni. Kesimpulan daripada bedah siasat menunjukkan mangsa dibunuh dengan sengaja". Ayden mengangguk mendengar penjelasan daripada Adam.

"Baiklah, terima kasih Adam. Kau boleh pulang dulu. Aku ada banyak lagi kerja nak diuruskan". Ayden tersenyum ke arah Adam. Adam kemudiannya melangkah keluar dari pejabat Ayden.

Ayden meraup wajahnya dengan kasar. Seketika kemudian, seseorang merempuh masuk ke dalam pejabatnya. Dengan nafas yang tercungap-cungap, Carl cuba menyampaikan sesuatu kepada Ayden.

"Ayden ada mayat dekat luar..." Carl membetulkan nafasnya sebelum menyambung "...baik kau pergi tengok sekarang!"

Tanpa berlengah Ayden segera berlari keluar meninggalkan Carl . Di hadapan balai polis, terdapat dua orang mangsa yang dibunuh sama seperti mangsa-mangsa sebelumnya. Kali ini, terdapat dua buah botol yang tidak dikenal pasti berada di sisi kedua-dua mangsa.

Semasa Carl dan pasukannya sibuk mendapatkan bukti di tempat kejadian, kelihatan seseorang sedang melihat keadaan yang sibuk dari jarak jauh sambil tersenyum sinis. Figura lelaki tersebut tidak kelihatan di sebalik semak.

Ayden kembali ke pejabatnya untuk menganalisis sekali lagi semua laporan yang diberikan kepadanya. Ayden mula berasa pelik terhadap laporan autopsi yang diberikan oleh Lisa.

"Kenapa hanya laporan autopsi sahaja yang sama sejak dua bulan yang lalu, sedangkan laporan daripada forensik DNA dan forensik kriminalistik berbeza walaupun perbezaannya tidaklah terlalu ketara?" dia menyoal dirinya sendiri. Keraguannya terhadap pasukan patologi tidak dapat ditepis lagi. Telefon pintar dicapai.

"Hello Carl, hantar satu mangsa ke makmal patologi Lisa. Satu lagi hantar ke makmal patologi Amelia. Maklumkan kepada Lisa aku yang arahkan kau untuk berbuat demikian. Pasal Amelia, nanti aku sendiri yang akan maklumkan kepadanya," suaranya tegas memberi arahan.

"Baiklah, Ayden. Nanti jangan lupa ambil laporan toksikologi daripada Zain. Dua botol yang tidak diketahui isinya tadi aku sudah hantar ke makmal forensik toksikologi untuk siasatan lebih lanjut". Ayden hanya mengangguk mendengar penjelasan Carl.

Selepas mematikan panggilan dengan Carl dia menghubungi Amelia pula.

"Hello, Amelia, Ayden ni. Aku perlukan pertolongan kau. Carl akan hantar satu mangsa pembunuhan ke makmal patologi kau. Aku harap kau dapat jalankan bedah siasat ke atas mangsa. Kalau boleh sediakan laporan autopsi sejurus kau selesai bedah siasat mangsa. Aku betul-betul perlukan pertolongan kau sekarang". Amelia yang berada dalam talian terdiam sejenak.

"Baiklah, laporan autopsi tu nanti saya serahkan sendiri kepada kau," balas Amelia kemudiannya. Selepas mendapat persetujuan Amelia, Ayden mengambil kunci keretanya dan menuju ke makmal Zain.

Sampai sahaja dia di makmal forensik toksikologi, kelibat Zain yang sedang meneliti sesuatu itu dihipirinya.

"Eh Ayden. Tepat pada masanya kau datang. Keputusan analisis toksikologi baru sahaja keluar". Fail yang berada di tangannya diserahkan kepada Ayden.

"Menurut analisis kami, botol-botol tersebut mengandungi asid yang boleh mencederakan permukaan kulit seseorang. Kebiasaannya, asid jenis ini digunakan untuk mencederakan seseorang dengan niat sengaja atau tidak. Tapi, kami masih tidak dapat membuat kesimpulan bahawa asid ini digunakan untuk membunuh mangsa memandangkan kami belum menerima laporan autopsy daripada makmal forensik patologi," jelas Zain panjang lebar.

"Laporan autopsy tu nanti akan ada dua. Kau lakukan sahaja analisis untuk kedua-dua laporan autopsy. Kalau keputusan sudah keluar, kau boleh hantar ke pejabat aku." Zain hanya mengangguk membalas kata-kata Ayden.

Ayden kemudiannya kembali ke pejabatnya. Telefon pintar miliknya berdering sebaik sahaja dia tiba di depan pintu pejabatnya.

"Ayden, kau ragu-ragu dengan kawan kau sendiri?" soal Lisa di talian. "Bukan aku ragukan pasukan kau Lisa, Cuma sebagai langkah berjaga-jaga".

Lisa hanya tersenyum sinis mendengar balasan Ayden. Belum sempat dia membalas kata-kata Ayden, lelaki itu terlebih dahulu mematikan panggilan.

Ayden melanjutkan penelitiannya terhadap semua laporan yang diterimanya. Tepat pukul 8:00 malam tadi, Zain dan Amelia datang ke pejabatnya untuk memberikan laporan masing-masing. Nazhan juga ada datang untuk menghantar laporan analisis DNA memandangkan Amelia ada menghantar laporan autopsy ke makmal forensik DNA untuk prosedur penganalisan yang lebih lanjut kerana dia mendapati terdapat banyak kesan cap jari pada badan mangsa.

"Sah, kau sudah masuk dalam perangkap" getus hati kecilnya.

Laporan autopsy makmal patologi Lisa berbeza dengan laporan dari makmal patologi Amelia. Bukan bermaksud dia lebih mempercayai Amelia, namun laporan autopsy yang diberikan Lisa sangat mencurigakan. Sebelum ini, laporan autopsy hanya menunjukkan benda yang sama tetapi kali ini tiba-tiba sahaja laporan itu dapat mengesan cap jari pelaku. Berbeza dengan laporan autopsy daripada Amelia, laporannya dapat mengesan cap jari, air liur, dan kesan darah pelaku.

Ayden dapat menyimpulkan bahawa laporan Amelia yang boleh dipercayai. Dia kemudiannya meneliti laporan analisis DNA. Menurut laporan tersebut DNA pelaku adalah sepadan 99.99% dengan DNA suami rakannya, Lisa. Ayden segera mendapatkan kunci keretanya dan memaklumkan kepada Inspektor Razali untuk mendapatkan waran tangkap memandangkan bukti sudah ada ditangannya. Usai sahaja Inspektor Razali bersetuju untuk membantunya, dia segera mematikan panggilan telefon.

Suspek utama kes pembunuhan bersiri itu telah ditahan dan dihadapkan ke mahkamah. Seketika dunia kepolisan digemparkan oleh penahanan suspek apa lagi Ayden. Dia sungguh tidak menduga pelaku kriminal itu rupa-rupanya Vin Tan iaitu suami Lisa. Rakan yang dihormatinya menjadi gunting dalam lipatan. Ketika kes dibicarakan, mahkamah diberitahu bahawa Vin Tan merupakan seorang psikopat yang obsesi terhadap pembunuhan. Dia membunuh kerana itulah hobinya. Menurut Lisa ketika menjadi saksi pendakwaan, suaminya

sudah menghidap penyakit mental sebelum mereka berkahwin lagi. Suaminya menolak untuk menerima rawatan dan lebih rela hanyut bersama hobinya itu. Dia telah bekerjasama dengan Vin Tan untuk menutup kesalahan Vin Tan agar suaminya itu tidak dipenjarakan.

Sudah sebulan berlalu sejak dia berjaya menuntaskan kes pembunuhan bersiri itu. Kini, Ayden bukan lagi seorang detektif. Dia memutuskan untuk meletak jawatan walaupun dia berjaya menyelesaikan kes tersebut dalam masa yang ditetapkan. Sukar untuknya membuat keputusan meninggalkan kerjaya yang sangat disukainya itu. Setiap kali teringatkan kerja keras dalam menyelesaikan kes pembunuhan tersebut, dia pasti akan terkenang nasib Lisa yang terpaksa mendekam dalam penjara kerana bersubahat dengan suaminya. Tidak dinafikan betapa wanita itu juga sebenarnya obsesi terhadap suaminya.

Kes pembunuhan kali ini membuka mata Ayden agar tidak mudah mempercayai sesiapa pun termasuk rakan-rakan terdekatnya. Dia mengakui bahawa sepanjang bekerja sebagai detektif, banyak pengalaman pahit manis dan pengajaran yang diperolehnya. Tanpa bantuan sains forensik juga, dia mungkin tidak dapat menyelesaikan kes-kes di bawah kendaliannya.

Nota: Penulis ialah pemenang Tempat Pertama (Kategori 1) Pertandingan Cerpen Sains Forensik 2021.

Dengarkan rakaman cereka audio bagi kisah yang suspens ini di [ASM Podcast](#).